

14/01/2002

Ujian darah: Bakal pengantin perlu positif

MEWUJUDKAN institusi kekeluargaan harmoni, di samping memelihara generasi pewaris sihat adalah agenda besar bagi Kerajaan Johor apabila meluluskan syarat mewajibkan pemeriksaan HIV/Aids ke atas bakal pengantin di negeri ini.

Pelaksanaan program itu akan mengambil masa panjang yang dijangka memberi kesan positif dalam menangani penyakit HIV/Aids yang masih tidak bernoktah.

Apa pun, masih ada suara yang kurang senang mengenai pemeriksaan wajib terbabit dengan pelbagai seribu satu alasan.

Antara yang pernah menyuarakan perkara itu ialah Presiden Pusat Kajian Antarabangsa Mengenai Wanita (ICRW) dari Washington, Dr Geeta Rao Gupta yang menyifatkan ujian HIV secara mandatori tidak akan berkesan bagi mencegah HIV dan Aids daripada merebak.

Dr Geeta berkata, Di Iowa, Amerika Syarikat, jumlah pasangan yang mendaftar perkahwinan jatuh kepada 22 peratus kerana ramai yang berkahwin di tempat lain atau memutuskan untuk tidak mendaftar terus.

Katanya, kajian dan pengalaman negara lain yang mengenakan peraturan itu juga mendapati tindakan berkenaan akan hanya menakutkan orang ramai.

Duta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Aids rantau Asia, Mechai Viravaidya pula berpendapat, ujian HIV akan memberi kebaikan sekiranya dilakukan secara sukarela.

Katanya, jika orang ramai dipaksa menjalani ujian itu, lebih ramai mereka yang positif HIV akan menjadi mangsa diskriminasi.

"Mendapat tahu status diri (sama ada positif atau negatif) adalah baik terutama dalam mencegah daripada kegiatan yang dapat memberi jangkitan itu kepada orang lain, tetapi ia harus dibuat dengan secara sukarela," katanya.

Malah, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, mempersoalkan kaedah pemeriksaan HIV/Aids bagi bakal pengantin di Johor.

Namun, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita dan Kesihatan Johor, Halimah Mohamed Sadique, beranggapan Kerajaan Johor mempunyai pendirian tersendiri dalam menangani sesuatu isu, lebih-lebih lagi membabitkan kebajikan rakyatnya.

"Pemeriksaan itu bukan untuk menakut-nakutkan orang ramai terutama bakal pengantin di negeri ini.

"Semua tindakan kerajaan dilihat dalam pelbagai sudut dan kita mengambil kira semua aspek positif serta negatif.

"Selepas kajian dijalankan, aspek positif didapati mempunyai peratusan yang besar, manakala aspek negatif hendaklah kita mencari jalan menyelesaikannya.

"Ini bagi membolehkan pemeriksaan kesihatan dan ujian darah mengesan HIV/Aids boleh memberi jaminan masa depan keluarga dan memelihara generasi pewaris.

"Sehubungan itu, setiap pasangan pengantin perlu terbuka dan positif dengan ujian itu kerana ia bukan untuk membebankan mereka," katanya.

Sebaliknya, Halimah berkata, ia untuk kebaikan bakal pengantin yang boleh mengetahui status kesihatan pasangan masing-masing.

Katanya, ia sekurang-kurangnya dapat menjamin masa depan rumah tangga dan zuriat yang dilahirkan tidak dijangkiti kuman berbahaya itu.

Di samping itu, beliau menegaskan bahawa hak wanita terus terpelihara dengan keputusan pemeriksaan wajib terbabit.

Katanya, kedudukan dan hak wanita terutama di negeri ini perlu diberikan perhatian serius oleh pelbagai pihak.

"Malah, bakal suami perlu tahu menjaga hati bakal isteri masing-masing dalam mengekalkan keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga.

"Oleh itu, kita mahu setiap bakal pengantin hendaklah ikhlas dan jujur terhadap pemeriksaan wajib HIV/Aids," katanya.

(END)